

14/05/1998

Dompok sangkal wujud perbalahan

KOTA KINABALU, Rabu - Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), Tan Sri Bernard Dompok menyangkal laporan konon berlaku pertelagahan di antara partinya dengan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) pimpinan Datuk Joseph Kurup, berhubung pelantikan Ketua Menteri baru.

Beliau berkata, soal pelantikan Ketua Menteri baru untuk menggantikan Datuk Yong Teck Lee yang dijadualkan melepaskan jawatan itu pada 28 Mei ini, terletak pada bidang kuasa Perdana Menteri.

Seperti diketahui umum, katanya, beberapa nama pemimpin sudah dikemukakan kepada Perdana Menteri untuk dipertimbangkan.

Menurutnya, laporan yang dibuat akhbar mungkin untuk memburukkan keadaan dan perpaduan dalam Barisan Nasional (BN) Sabah.

"Sebenarnya tiada pertelagahan timbul (di antara PDS dan PBRS)," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet negeri yang dipengerusikan Yong di sini, hari ini.

Dompok yang juga Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar negeri ditanya mengenai laporan akhbar konon berlaku pertelagahan antaranya dengan Kurup berhubung isu pelantikan Ketua Menteri.

Laporan itu antara lain mendakwa Yong lebih berminat supaya Dompok menjadi penggantinya, sedangkan Kurup dikatakan menjadi pilihan Umno Sabah.

Dompok berkata, beliau duduk semeja bersama Kurup pada jamuan ringan selepas mesyuarat Kabinet hari ini dan mereka memahami niat laporan itu dibuat.

"Laporan itu menyeleweng dan boleh mewujudkan pertelagahan antara parti, antara pemimpin dari parti yang sama, serta antara parti dalam komponen BN," katanya.

Pada 7 Mei lalu, semua sembilan parti komponen BN Sabah memberi mandat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memilih Ketua Menteri baru, menggantikan Yong yang dijadual tamat perkhidmatannya pada 27 Mei ini.

(END)